

09/03/2005

Imbuan anggota bomba mesti setimpal pengorbanan

Oleh MAHASISWA PRIHATIN

MARI kita kaji dan selidiki apakah kita sebagai orang awam pernah menghargai segala pengorbanan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat yang banyak jasa dan berkhidmat pada waktu kecemasan?

Apakah kerajaan pernah mengkaji sama ada tangga gaji, elaun dan ganjaran yang mereka terima setiap bulan setimpal dengan tugas dan risiko yang mereka terpaksa hadapi.

Selama ini, tidak pernah ada pihak yang tampil menyuarakan perkara ini. Namun saya terpanggil untuk mengupas hal ini kerana saya melihat tugas mereka sebagai satu tanggungjawab yang cukup berat dan kian mencabar pada masa depan.

Sebagai tanda prihatin kita semua, adalah amat wajar jika badan beruniform ini mendapat penghargaan dan ganjaran setimpal dengan pengorbanan yang mereka lakukan

Pada pendapat saya, pengorbanan pasukan bomba amat besar kerana mereka sanggup melakukan perkara yang orang lain tidak sanggup lakukan.

Saya adalah mahasiswa yang peka dan sentiasa memantau prestasi perkhidmatan awam khususnya badan beruniform. Sebagai seorang pemerhati, saya mengucapkan syabas kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat kerana menjalankan tugas dengan baik dan cekap sejak pasukan ini dinaikkan taraf sebagai penyelamat Malaysia oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Saya cukup bangga dengan pengorbanan pasukan beruniform ini yang berpenat lelah menunaikan tugas menyelamatkan di darat, air mahupun udara tanpa memikirkan keselamatan diri sendiri.

Pada pandangan saya, tidak ramai di antara kita yang ambil kisah akan skop kerja anggota bomba. Apakah kerja mereka hanya membabitkan api semata-mata? Apakah risiko yang mereka hadapi sepanjang menjalankan tugas?

Di sini saya suka mengingatkan semula mengenai tugas anggota bomba seperti bertindak menyelamatkan mangsa tsunami, memadamkan kebakaran hutan, menyelamatkan mangsa kemalangan dan tanah runtuh.

Jadi adalah wajar pengorbanan mereka diberikan penghargaan sewajarnya oleh rakyat dan kerajaan.

MAHASISWA PRIHATIN,
Gombak, Selangor.

(END) Source : Berita Harian